



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.21/ 2018

PEMASANGAN BAHAN KEMPEN PILIHAN RAYA SEBELUM PROSES PRU14 DI BAWAH KUASA PBT

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin menjelaskan berhubung isu pemasangan bendera dan bahan kempen pilihan raya pada masa ini. Adalah ditegaskan pada masa ini bidang kuasa adalah terletak kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan bukannya di bawah SPR untuk mengambil tindakan terhadap pemasangan semua bentuk bahan kempen yang wujud kerana proses pilihan raya masih belum lagi bermula.

SPR tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak untuk mengarahkan poster atau bendera diturunkan kerana kuasa yang diperuntukan kepada SPR hanya boleh dikuatkuasa semasa tempoh rasmi kempen pilihan raya selaras dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Tempoh rasmi kempen pilihan raya hanya bermula pada hari penamaan calon dan berakhir pada tengah malam sebelum hari mengundi.

Dalam hal ini SPR menasihati semua pihak supaya sentiasa mematuhi semua peraturan dan undang-undang sedia ada yang ditetapkan oleh PBT dan mana-mana pihak berkuasa bagi menjamin keselamatan dan keharmonian masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 22 Mac 2018 / 4 Rejab 1439H